

26/12/1999

Jakim disyor tubuh unit pantau ceramah

KUALA LUMPUR: Timbalan Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir mengesyorkan supaya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mewujudkan unit penyelarasan khas untuk memantau ceramah agama di jabatan kerajaan di seluruh negara.

Katanya, unit itu patut dipergiatkan dengan tujuan mengawasi sesetengah penceramah yang menggunakan landasan agama bagi menyebarkan dakwah politik.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas arahan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mengarahkan Jakim membuat pengawasan rapi terhadap semua ceramah agama di jabatan kerajaan supaya ia tidak digunakan untuk menyemai fahaman negatif di kalangan pegawai dan kakitangan.

Zainal yang juga bekas Ketua Pengarah Jakim berkata, soal menyalahgunakan ceramah bagi kepentingan politik berleluasa sejak beberapa waktu sebelum pilihan raya umum lalu hingga sekarang.

"Masalah ini perlu ditangani dengan berkesan melalui pemantauan rapi seperti dicadangkan Timbalan Perdana Menteri," katanya.

Beliau berkata dalam memantau ceramah itu, unit berkenaan perlu memastikan kandungan ceramah supaya tidak bercanggah dengan sistem pemerintahan negara.

Menurutnya, daripada pengalaman lalu didapati ada penceramah gemar memanipulasikan isu tertentu yang tidak relevan dengan agama dan ia akhirnya mengelirukan pemikiran kakitangan kerajaan hingga mereka sanggup membenci kerajaan di samping mengutuk jabatan yang menjadi tempat mereka bertugas serta mencari rezeki.

Zainal berkata jika sesuatu ceramah menimbulkan perasaan tidak puas hati, penceramah perlu dipanggil berbincang dengan Jakim mengenai isu yang timbulkannya. Ini bukan bertujuan menyekat kebebasan berdakwah tetapi untuk memastikan setiap ceramah agama benar-benar disampaikan dengan jujur dan ikhlas demi kepentingan Islam dan bukan untuk muslihat politik.

Bekas Pengarah Yadim, Abdul Manaf Ahmad berkata, selain memantau ceramah agama di jabatan kerajaan, Jakim perlu berbuat demikian di pejabat serta surau swasta.

Jakim, katanya, perlu mengenal pasti semua penceramah itu dan menghimpunkan mereka dalam satu muzakarah dengan pemimpin tertinggi, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Muzakarah itu, katanya, penting bagi membolehkan mereka mendapat maklumat tepat mengenai pelbagai isu, umpamanya mengenai pemimpin tidak menghormati ulama, daripada pemimpin itu sendiri.

"Mungkin pada masa itu penceramah itu dapat mendengar sendiri penjelasan daripada pemimpin dan tidak mendapat maklumat daripada pihak kedua atau ketiga, termasuk melalui Harakah atau pihak pembangkang," katanya.

Abdul Manaf berkata, dalam hubungan ini, usaha dua hala perlu dilakukan segera, iaitu kita tidak saja mencegah ceramah berbentuk penyelewengan tetapi memberi kefahaman yang betul kepada penceramah terbabit.

Beliau berkata, Jakim perlu memperkenalkan program baru seperti mengadakan majlis terbuka puasa antara penceramah agama dengan pemimpin bagi menjalin silaturahim.

"Sebelum ini majlis itu diadakan antara pemimpin dan pegawai kerajaan di Kuala Lumpur saja tetapi apa salahnya ia diubah sedikit kepada penceramah

agama dan seumpamanya kerana menerusinya banyak faedah bersama akan diperolehi," kata beliau.

(END)